



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

PENJELASAN BERHUBUNG FRASA LIBERAL DALAM CITA-CITA RUKUN NEGARA

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah dibentuk susulan inisiden 13 Mei 1969. MAGERAN ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**.

Melalui Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh 13 tokoh negara daripada pelbagai latar belakang kaum dan kepakaran telah menghasilkan Rukun Negara sebagai falsafah negara baharu. Rukun Negara telah dirangka berdasarkan tujuh tunjang utama yang telah dikemukakan melalui kertas '*Pillars of Nation*'.

Akhirnya, Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada dua bahagian iaitu **5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip **Rukun Negara** kemudiannya **telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional**. Falsafah yang bernilai tinggi ini perlu dihayati oleh setiap warganegara Malaysia bagi memastikan kelestarian dan kesesuaianya sepanjang masa.

Cita-cita Rukun Negara menegaskan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang **bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif**.

Salah satu cita-cita Rukun Negara adalah "menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak". Dalam konteks ini, **perkataan "liberal" merujuk kepada sikap keterbukaan dan penerimaan (Faham, Hormat & Terima) kepada perbezaan budaya antara kaum dan etnik**. Rakyat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.

Sehubungan dengan itu, saya mohon agar semua pihak **menghentikan tafsiran yang salah berhubung maksud frasa liberal yang terdapat dalam cita-cita Rukun Negara**.

Penerapan nilai-nilai liberal (keterbukaan terhadap perbezaan budaya antara kaum) dalam masyarakat akan membantu mencipta persekitaran yang lebih inklusif, dinamik, dan progresif, serta memberi peluang kepada setiap individu untuk berkembang dan menyumbang kepada pembangunan negara secara positif.

Terima kasih.

- TAMAT-

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
28 FEBRUARI 2024**